

# KESAHAN ILMU BERSUMBERKAN KECERDASAN BUATAN (*ARTIFICIAL INTELLIGENCE*) DARI PERSPEKTIF EPISTEMOLOGI ISLAM

## *THE VALIDITY OF KNOWLEDGE DERIVED FROM ARTIFICIAL INTELLIGENCE FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAMIC EPISTEMOLOGY*

Asma Tahani Yusri<sup>1</sup>  
Zul'azmi Yaakob<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. (E-mail: [asmatahaniy@gmail.com](mailto:asmatahaniy@gmail.com))

<sup>2</sup> Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: [zulazmi@ukm.edu.my](mailto:zulazmi@ukm.edu.my))

\*Corresponding author: [zulazmi@ukm.edu.my](mailto:zulazmi@ukm.edu.my)

### Article history

Received date : 3-4-2026

Revised date : 4-4-2026

Accepted date : 24-4-2026

Published date : 15-5-2026

### To cite this document:

Yusri, A. T., & Yaakob, Z. (2026). Kesahan ilmu bersumberkan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dari perspektif epistemologi Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (82), 265-275.

**Abstrak:** *Kemajuan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence atau AI) telah membuka ruang baharu dalam penghasilan dan mendapatkan maklumat. Namun perkembangan pesat ini turut menimbulkan kekeliruan dalam menentukan kebenaran serta kesahan ilmu dan maklumat. Kewujudan pelbagai ideologi pemikiran, disinformation (maklumat palsu) serta kemerosotan autoriti ilmu menunjukkan kesan bilamana kebenaran sesuatu ilmu tidak bersandarkan kepada kerangka epistemologi yang kukuh. Artikel ini bertujuan untuk menilai kesahan ilmu yang dihasilkan atau disebarkan melalui AI menurut kerangka epistemologi Islam, dengan memberi fokus khas kepada pandangan Imam al-Ghazali. Berdasarkan kaedah analisis kandungan terhadap karya-karya utama beliau, artikel ini menggariskan prinsip-prinsip asas dalam penilaian ilmu seperti sifat yaqīn (yakin), thiqah (keabsahan) sumber dan kesahihan jalan penerimaan ilmu. Dapatan kajian menunjukkan maklumat daripada AI tidak boleh diterima secara mutlak sebagai ilmu yang sah menurut perspektif Islam, melainkan ia melalui proses penyaringan, pengesahan dan pentarjihan berdasarkan disiplin ilmu yang muktabar. Justeru, pendekatan kritis dan beretika amat diperlukan dalam penggunaan AI agar tidak menjejaskan integriti epistemologi Islam serta memperoleh ilmu yang benar.*

**Kata Kunci:** *Kecerdasan Buatan; Epistemologi; al-Ghazali; Kesahan Ilmu; Falsafah*

**Abstract:** *The advancement of Artificial Intelligence (AI) technology has created new avenues for the production and acquisition of information. However, this rapid development has also generated confusion in determining the truth and validity of knowledge and information. The proliferation of diverse ideological frameworks, the spread of disinformation, and the erosion*

*of scholarly authority reflect the consequences of knowledge that is not grounded in a robust epistemological framework. This article aims to evaluate the validity of knowledge produced or disseminated through AI based on the framework of Islamic epistemology, with particular emphasis on the views of Imam al-Ghazali. Employing content analysis of his major works, this study outlines fundamental principles in the evaluation of knowledge, including the certainty (yaqīn), the reliability of sources (thiqah), and the authenticity of the modes of knowledge transmission. The findings indicate that information generated by AI cannot be accepted unconditionally as valid knowledge from an Islamic perspective unless it undergoes processes of verification, validation, and critical preference (tarjīh) grounded in established scholarly disciplines. Therefore, a critical and ethical approach is essential in the use of AI to preserve the integrity of Islamic epistemology and to ensure the attainment of true knowledge.*

**Keywords:** *Artificial Intelligence; Epistemology; al-Ghazali; Validity of Knowledge; Philosophy*

## Pengenalan

Perkembangan pesat teknologi Kecerdasan Buatan atau lebih dikenali sebagai *Artificial Intelligence (AI)* pada abad ke-21M telah mencetuskan perubahan ketara dalam cara manusia mengakses, menganalisis dan membentuk pengetahuan. *AI* bukan sahaja berfungsi sebagai alat pemproses data, malah telah mula berperanan dalam membantu membuat keputusan, menjana maklumat baharu dan menjadi rujukan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, perubatan, kewangan dan keagamaan. Dalam wacana keilmuan Islam, kesahihan ilmu tidak hanya dinilai berdasarkan ketepatan logik atau keberkesanan ujian secara praktikal, tetapi juga berpaksikan kepada sumber dan tujuan ilmu tersebut. Epistemologi Islam meletakkan wahyu, akal dan pancaindera sebagai sumber utama ilmu serta menekankan peranan adab, niat dan hubungan antara ilmu dengan hakikat ketuhanan. Imam al-Ghazali merupakan salah seorang tokoh Islam yang menitikberatkan perihal ilmu sebagai suatu kebenaran yang yakin. Beberapa karyanya seperti *al-Munqidh min al-Dalāl* dan *Ihyā' Ulūm al-Dīn* menjadi panduan umat Islam dalam mencapai tujuan sebenar hakikat insan di muka bumi. Dengan demikian, kemunculan *AI* sebagai 'agen penghasil ilmu' memerlukan penelitian semula terhadap kesesuaian dan kesahihannya dalam kerangka epistemologi Islam. Kajian ini bertujuan untuk menilai kesahan ilmu yang bersumberkan *AI* dengan merujuk kepada prinsip-prinsip epistemologi Islam menurut al-Ghazali serta implikasinya terhadap kehidupan umat Islam hari ini.

## Latar Belakang

Epistemologi merupakan cabang falsafah yang membincangkan secara mendalam tentang hakikat ilmu, sumber-sumbernya, asal-usul dan sebab kemunculannya, sifat serta batasan ilmu, dan yang paling utama adalah kesahihan sesuatu ilmu (Audi, 1999: 273; Nawi, 2021: 73). Ia membentuk asas dalam memahami bagaimana manusia mengenal, memproses dan mengesahkan maklumat sebagai ilmu yang sah, lalu menjadikan ilmu itu sebagai asas penilaian dan panduan dalam kehidupan, sama ada membawa kepada kebaikan atau keburukan (Al-Attas, 2007: 10). Bila mana tamadun Barat mendapati agama tidak lagi dapat memberi solusi kepada isu-isu yang mereka hadapi, mereka beralih kepada prinsip-prinsip baharu yang menempatkan sains, akal manusia dan pengalaman deria sebagai autoriti tertinggi dalam menentukan kebenaran serta membentuk pandangan alam mereka (Al-Attas, 2007: 11).

Secara umumnya, perkembangan epistemologi Barat berkisar pada tiga aliran utama iaitu empirisisme, rasionalisme dan skeptisisme. Empirisisme, sebagaimana diasaskan oleh tokoh

seperti John Locke dan David Hume, menegaskan bahawa pengetahuan sejati hanya boleh diperoleh melalui pengalaman deria dan pemerhatian terhadap fenomena luar. Sebaliknya, rasionalisme yang dikembangkan oleh René Descartes dan Immanuel Kant, melihat akal sebagai sumber utama pengetahuan dengan meyakini bahawa kebenaran dapat dicapai melalui proses deduktif dan refleksi intelektual tanpa kebergantungan mutlak kepada pengalaman deria dan fenomena luar. Manakala skeptisisme pula cenderung ke arah mempersoalkan keupayaan manusia untuk memperoleh pengetahuan yang benar-benar pasti, lalu mencabar kesahihan kedua-dua pendekatan sebelumnya (Long, 2019: 6-8).

Peralihan ini melahirkan pelbagai aliran pemikiran moden dan teori-teori lain seperti materialisme, positivisme, pragmatisme dan konstruktivisme sebagai sebahagian daripada ukuran kesahihan ilmu. Pada masa kini, kemajuan teknologi maklumat sejak 1870-an sehingga kewujudan *AI* muncul sebagai manifestasi terkini daripada *worldview* (pandangan alam) tersebut iaitu suatu usaha untuk memaksimumkan kemampuan manusia memproses, mentafsir dan menjana maklumat tanpa kebergantungan kepada sumber transenden untuk mendapatkan ilmu. *AI* juga mampu memproses data, menjawab persoalan, malah membuat keputusan berdasarkan algoritma dan *machine learning* (pembelajaran mesin). Tambahan pula, *AI* kini telah digunakan secara meluas dalam pelbagai aspek kehidupan Muslim. Contohnya menentukan arah kiblat, penggunaan *GPS*, menentukan waktu solat, penyemakan status halal sesuatu produk atau pencarian tempat yang *Muslim-friendly* (mesra Muslim).

Dalam isu menjawab persoalan agama, fungsi ChatGPT, iMurasalah menerusi Facebook, Ask AiDeen menerusi Muslim Pro dan juga aplikasi NurAI ([nur-ai.zetrix.com](http://nur-ai.zetrix.com)) telah dibangunkan khusus untuk menjawab persoalan berkaitan hukum-hakam, ibadah dan isu semasa agama dengan merujuk kepada pangkalan data al-Quran, hadis dan fatwa yang diiktiraf. Fungsi ini memberi kemudahan kepada masyarakat awam untuk mendapatkan jawapan segera berhubung persoalan agama tanpa perlu menunggu masa yang lama untuk berhubung dengan para asatizah atau institusi fatwa. Selain itu, terdapat juga aplikasi seperti Tarteel AI ([tarteel.ai](http://tarteel.ai)) yang membantu pengguna untuk menghafaz al-Quran melalui analisis suara, mengesan kesalahan bacaan, melampirkan pelan hafazan dan menetapkan matlamat yang bersesuaian untuk hafazan pengguna. Begitu juga dengan inisiatif *AI Fatwa Bot* yang mula diperkenalkan di Arab Saudi bagi memudahkan jemaah haji bertanyakan soalan berkaitan ibadah di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi (Bernama, 2024).

Namun demikian, kemunculan *AI* sebagai ‘sumber maklumat’ menimbulkan persoalan penting dalam epistemologi Islam iaitu sejauh mana ilmu yang dihasilkan oleh *AI* boleh dianggap sah, benar dan berautoriti? Apakah ia menepati piawaian sumber ilmu dalam Islam atau hanya sekadar alat bantu semata-mata? Adakah keputusan *AI* boleh menggantikan ijtihad manusia? Seperti menghasilkan keputusan untuk isu-isu baharu yang tidak dijawab secara jelas melalui al-Quran dan al-Sunnah. Soalan-soalan ini menuntut satu penilaian kritikal yang berpaksikan epistemologi Islam.

Berbeza dengan pendekatan Barat, epistemologi Islam berpaksikan kepada pandangan alam tauhid. Sumber utama ilmu dalam epistemologi Islam ialah wahyu (al-Quran dan al-Sunnah), yang disokong oleh ‘*aql salīm*’ (akal yang sejahtera), pancaindera serta pengalaman *kashf* atau *ilham* (rohani dan intuitif). Tokoh-tokoh utama dalam tradisi Islam termasuk al-Ghazali, Ibn Sina, Fakhr al-Din al-Razi, al-Farabi dan Al-Attas. Mereka membincangkan konsep ilmu bukan hanya dari segi logik atau struktur pengetahuan, tetapi juga adab dalam memperolehnya serta hubungannya dengan jiwa dan realiti mutlak iaitu Allah SWT sebagai Tuhan. Sumber

epistemologi seperti *ijma'*, *qiyas* dan *maqasid al-shari'ah* juga berperanan dalam membentuk pemahaman dan kesahan sesuatu ilmu dalam kerangka Syariah. Dalam kerangka pandangan alam Islam, ilmu yang benar adalah yang akan melahirkan insan yang bertanggungjawab kepada Tuhannya, dirinya, masyarakat serta alam sekeliling (Al-Attas, 2007: 11).

Sehubungan dengan itu, kajian ini memberi fokus kepada epistemologi Imam al-Ghazali melihat kepada usaha beliau untuk menjawab persoalan-persoalan berkaitan ilmu pengetahuan yang ketika zamannya berlaku kekeliruan pemahaman dalam kalangan masyarakat. Lebih-lebih lagi antara ilmu falsafah dan Islam seperti matematik, geometri, astronomi, logik, ketuhanan, alam tabi'i, politik dan akhlak. Walaupun beliau ada mengkritik sebahagian ilmu falsafah, beliau tidak menolaknya secara total malah menggariskan beberapa panduan dan batas-batas yang bertepatan di sisi Islam (Abidin, 2024: 103-107). Penulis mendapati faktor ini boleh disesuaikan dalam menilai kesahan ilmu melalui *AI* kerana ia dijana bagi memiliki kemampuan yang serupa dengan *intelligence* (kebijaksanaan) manusia iaitu menilai dan berfikir tentang sesuatu ilmu. Beliau turut mengkritik kecenderungan manusia bergantung sepenuhnya kepada logik atau pancaindera tanpa merujuk kepada wahyu, kerana ia berisiko menjerumuskan kepada kesesatan. Justeru, perspektif al-Ghazali menjadi kerangka penting dalam menilai sama ada ilmu yang dijana oleh *AI* memenuhi kriteria kesahihan menurut epistemologi Islam atau sebaliknya.

### Permasalahan Kajian

Walaupun masyarakat mengakui bahawa *AI* memberikan pelbagai kemudahan dan kelebihan dalam pelbagai sektor, perlu diperakui bahawa teknologi ini juga bukan bebas daripada kekurangan dan kesilapan. *AI* beroperasi berdasarkan data yang dimasukkan, algoritma yang dibina dan parameter yang ditetapkan oleh manusia. Justeru, ketepatan maklumat yang dihasilkan tidak bersifat mutlak, malah berisiko dipengaruhi oleh bias data atau kelemahan teknikal (Boddington, 2017: 16). Apabila pengguna menerima maklumat yang bersifat sedemikian, mereka berisiko terdedah kepada gambaran separuh benar atau bias, sekali gus mempengaruhi pemikiran dan pandangan dunia mereka tanpa disedari.

Cathy O'Neil, seorang pakar matematik dan penganalisis data telah menilai algoritma yang dibuat berpandukan *Big Data* boleh mengorbankan prinsip keadilan demi mengejar kecekapan. Fenomena *Big Data* merujuk kepada era moden dengan maklumat peribadi seperti lokasi tempat tinggal, corak pembelian dan tahap pendapatan dikumpulkan secara meluas dan dianalisis melalui model matematik serta algoritma. Bidang yang dikenali sebagai 'ekonomi *Big Data*' ini bertujuan mengolah set data berskala besar untuk membuat ramalan dan keputusan automatik. Beliau mengistilahkan sebahagian model ini sebagai *weapons of math destruction* (WMD) (Tanner, 2021):

*The math-powered applications powering the data economy were based on choices made by fallible human beings. Some of these choices were no doubt made with the best intentions. Nevertheless, many of these models encoded human prejudice, misunderstanding, and bias into the software systems that increasingly managed our lives. Like gods, these mathematical models were opaque, their workings invisible to all but the highest priests in their domain: mathematicians and computer scientists. Their verdicts, even when wrong or harmful, were beyond dispute or appeal. And they tended to punish the poor and the oppressed in our society, while making the rich richer (O'Neil 2017: 3).*

Berdasarkan analisis O'Neil dalam karyanya, *Weapons of Math Destruction*, algoritma yang berpotensi menjejaskan keadilan dan kesahan maklumat dalam masyarakat mempunyai beberapa ciri utama. Pertama adalah *opaque* (tidak telus), iaitu kaedah pengumpulan data, proses pemodelan dan tujuan penggunaannya sukar difahami oleh orang awam atau pihak yang boleh terkesan. Hal ini boleh menghalang semakan bebas terhadap kesahihan dan keadilan model yang digunakan. Kedua adalah berskala luas dan berpengaruh, di mana algoritma digunakan secara meluas dalam pelbagai sektor penting seperti pendidikan, pekerjaan, kewangan, insurans, politik dan penguatkuasaan undang-undang menjadikannya sukar untuk disemak, dielakkan atau ditentang. Ketiga adalah kemudaratan sosial kepada individu atau kumpulan tertentu melalui keputusan yang berat sebelah atau diskriminatif (O'Neil, 2017: 31).

Keempat adalah bersifat eksploitatif kerana memaksimumkan keuntungan pihak tertentu dengan memanfaatkan kelemahan dan kerentanan masyarakat. Contohnya, melalui iklan bersasar atau model pemarkahan kredit yang menindas dalam dunia pekerjaan. Bahagian ini juga dinamakan sebagai *WMD feedback loop* iaitu sistem tidak tahu betul atau salah melainkan hanya apa yang telah diprogramkan (O'Neil, 2017: 7). Begitu juga iklan dan kempen bersasar dalam pilihan raya negara. Sebarang bentuk penyebaran maklumat boleh diatur dan disasarkan pada kelompok tertentu berdasarkan data dan algoritma tanpa badan penilai khusus tentang kebenaran iklan dan kempen tersebut. Kelima ialah meminggirkan peranan manusia dengan keputusan automatik berasaskan statistik semata-mata sehingga boleh mengabaikan pertimbangan moral dan konteks sosial yang biasanya diambil kira dalam penghakiman manusia. O'Neil menegaskan meskipun mungkin tidak akan wujud satu definisi tetap mengenai maksud 'keadilan' dalam algoritma, tanggungjawab terletak pada syarikat korporat dan penggubal undang-undang untuk menetapkan piawaian bagi memastikan algoritma dapat dipertanggungjawabkan serta memperbaiki cara ia berfungsi (Tanner, 2021):

*Big Data processes codify the past. They do not invent the future. Doing that requires moral imagination, and that's something only humans can provide. We have to explicitly embed better values into our algorithms, creating Big Data models that follow our ethical lead. Sometimes that will mean putting fairness ahead of profit* (O'Neil, 2017: 204).

Rentetan daripada itu, *AI* memiliki kemampuan untuk menganalisis dan mengolah *Big Data* secara lebih efisien dan efektif khususnya melalui *deep learning* dan *machine learning* iaitu latihan yang diberikan kepada sistem untuk mendapatkan statistik yang tepat (Pabubung, 2021: 155). Algoritma *AI* juga berupaya mengenal pasti corak yang tidak dapat dikesan oleh manusia di samping mengekstrak maklumat bernilai daripada himpunan data berskala besar serta berstruktur kompleks (Irfansyah, 2024).

Sekiranya *AI* digunakan untuk memanipulasi data-data yang ada, ia boleh menghasilkan ancaman kepada manusia melalui bias data, perlumbaan senjata, pelanggaran privasi dan khususnya maklumat palsu melalui *deepfake* (Pabubung, 2021: 155). Beberapa masalah tersebut boleh mengganggu kesahan ilmu dan maklumat contohnya apabila melibatkan pembuktian dalam mahkamah atau maruah seseorang. Menurut Anh (2021: 2), teknologi *deepfake* telah banyak digunakan dalam tiga aspek iaitu pornografi, politik dan *fraud* (penipuan). Beberapa insiden seperti perpindahan wang ke akaun palsu, *voice recognition* (penyerupaan suara) dan *face recognition* (penyerupaan muka) melalui video dan rakaman turut memburukkan keadaan apabila digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Selain daripada itu, dalam isu-isu yang melibatkan hukum halal dan haram, *AI* tidak boleh berperanan

sebagai autoriti penentu hukum kerana bidang ini memerlukan kefahaman mendalam terhadap nas-nas syarak, kaedah fiqh dan konteks setempat. Dalam tradisi Islam, penentuan hukum perlu dirujuk kepada pihak berautoriti seperti mufti atau badan fatwa yang diiktiraf. Antaranya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Majlis Agama Negeri. *AI* mungkin dapat membantu menyediakan maklumat asas atau menyenaraikan sumber rujukan, tetapi tidak mampu menggantikan proses ijtihad yang menuntut kebijaksanaan, kefahaman maqasid al-shariah dan pertimbangan maslahat serta mafsadah (Auda, 2010: 2).

Keadaan ini turut membuka ruang kepada percampuran pelbagai pemikiran dan ideologi yang boleh meresap ke dalam masyarakat Islam. Melalui kandungan yang dihasilkan atau disebarkan oleh *AI*, unsur-unsur falsafah materialisme, relativisme atau sekularisme boleh bercampur dengan naratif Islam, lalu mengaburkan pemahaman terhadap konsep kebenaran. Inilah sebabnya al-Ghazali menetapkan syarat-syarat yang ketat terhadap sumber ilmu bagi memastikan ia tidak terpesong daripada keyakinan yang sahih dan kebenaran mutlak. Menurut beliau, ilmu yang sahih mestilah bersumber daripada wahyu, akal yang sejahtera, pancaindera yang tepat serta pengalaman rohani yang sahih iaitu suatu kriteria yang sukar dipenuhi oleh *AI* tanpa bimbingan manusia berautoriti (Al-Ghazali, 2011: 312). Tambahan pula, kemudahan teknologi hari ini menjadikan sesuatu maklumat atau pendapat mudah ditular dan menjadi *viral*, tanpa melalui proses verifikasi yang teliti. Fenomena ini boleh memberi kesan besar kepada *maqasid al-shari'ah*, terutamanya dalam aspek *hifz al-din* (menjaga agama), *hifz al-'aql* (menjaga akal) dan *hifz al-'ird* (menjaga kehormatan) (Auda, 2010). Contohnya, penyebaran berita palsu dan fatwa yang tidak sahih menggunakan aplikasi *AI* atau media sosial boleh mencetuskan kekeliruan, perpecahan masyarakat dan fitnah terhadap mana-mana pihak.

Sungguhpun *AI* memudahkan pengguna mendapatkan jawapan dalam masa yang singkat, ia juga menjadikan masyarakat mudah keliru dan rapuh dalam berpegang kepada sesuatu maklumat. Dahulu, proses mendapatkan jawapan atau ilmu memerlukan usaha dan masa yang panjang. Namun apabila diperoleh, ia sering disokong oleh keyakinan yang tinggi kerana telah melalui penelitian mendalam. Kini, akses maklumat yang segera tidak disertai dengan proses pemikiran kritis atau verifikasi yang mencukupi menyebabkan kebenaran dan kesahihan ilmu menjadi semakin sukar dipastikan.

### Epistemologi Ilmu menurut Imam al-Ghazali

Sumber ilmu dalam Islam adalah hakikatnya datang daripada Allah SWT sama ada melalui wahyu (*tawqifiyyah*) iaitu bersifat kebenaran mutlak atau melalui alam ciptaan-Nya (*tawfiqiyyah*) iaitu bersifat kebenaran relatif (Nawi, 2021: 7). Manusia perlu bertindak sebagai agen yang aktif untuk memahami kedua-dua sumber ini bagi menanggapi suatu ilmu yang benar. Imam al-Ghazali menghuraikan lebih mendalam melalui kitabnya *Mishkāt al-Anwār* tentang ilmu yang benar itu wujud dalam dunia fizikal dan dunia metafizikal serta wujud sumber atau kaedah mendapatkannya (Al-Ghazali, 2003c: 269). Kebenaran ini boleh didapati melalui *idrāk* (cerapan) yang dikurniakan kepada manusia. Pertama adalah melalui deria sentuh yang membolehkan manusia mengenal sejuk, panas, lembut, kasar dan sebagainya. Kedua dan ketiga ialah deria penglihatan dan pendengaran untuk manusia dapat melihat warna dan bentuk serta mendengar bunyi. Keempat ialah deria *instinct* (intuisi) yang melibatkan perasaan secara fitrah. Kelima ialah *tamyiz* iaitu daya membeza dan menimbang tara antara yang baik dan buruk. Keenam adalah akal, dengan manusia mampu mengetahui perkara yang lebih mendalam seperti wajib, harus dan mustahil. Akhir sekali ialah daya spiritual yang diajarkan melalui wahyu yang sampai kepada Nabi Muhammad SAW (Al-Ghazali, 2021: 103-105).

Manakala bagi teknologi *AI*, sistem ini tidak mempunyai pancaindera hakiki, sebaliknya berfungsi dengan meniru cara pancaindera beroperasi melalui *pattern recognition* dan algoritma. Oleh itu kesahan maklumatnya perlulah ditentukan sejauh mana ia konsisten dengan realiti pancaindera yang dialami manusia. Data-data yang diterima melalui *AI* pula boleh diistilahkan seperti khabar dalam ulum hadis dan usul fiqh. Kesahihan khabar bergantung pada dua aspek iaitu *'adālah* (keadilan atau amanah perawi) dan *dābit* (ketepatan hafalan atau penyampaian). *AI* tidak memiliki *'adālah* kerana ia tidak mempunyai *free will* atau *irādah*, justeru tidak boleh dihukum *thiqah* atau tidak *thiqah* secara mutlak. Ia hanyalah medium yang menyampaikan apa yang diprosesnya. Namun dari segi *dābit*, *AI* berpotensi tinggi memenuhi kriteria tersebut kerana data yang tersimpan tidak 'lupa' kecuali berlaku *corruption* atau bias dalam sistem. Lantas dalam kerangka al-Ghazali, *AI* boleh dianalogikan sebagai perawi *dābit* tanpa *'adālah* (Al-Ghazali, 2000: 131). Sumber yang diperoleh melalui *AI* masih perlu disemak dan dinilai.

Di samping itu, sekiranya dinilai dari sudut kesahihan ilmu yang dihasilkan melalui *AI* semata-mata seperti aplikasi ChatGPT dan NurAI, banyak yang perlu diperhalusi. Lantas metode penilaian oleh al-Ghazali boleh diaplikasikan seperti berikut:

1. Kesahihan input yang diterima mesti berasaskan premis yang benar. Dalam konteks *AI*, jika *input* (data) yang diterima bercanggah dengan realiti atau bercampur dengan maklumat palsu, maka *output* (hasil) pemikiran juga tidak sah. Contohnya, jika *AI* dilatih dengan data tafsiran al-Quran dari sumber liberal yang menolak autoriti ilmuwan hadis, maka jawapan *AI* tentang hukum fiqh boleh bercanggah dengan ijmak ulama. Sama seperti yang ditegaskan Al-Ghazali, ilmu yang dibina di atas premis yang salah tidak boleh dianggap sah (Al-Ghazali, 2003a: 22).
2. Pertimbangan akal mesti beroperasi secara teratur dengan *qiyas* (*silogisme*) yang sah (Al-Ghazali, 2000: 324-328). Bagi *AI*, algoritma merupakan pertimbangan utama untuk berperanan dalam kaedah *qiyas*. Jika algoritmanya cacat, walaupun input benar, hasilnya boleh menyimpang. Contohnya dalam mencari maklumat tentang memperbaiki hubungan antara suami isteri dalam kekeluargaan Islam. Jika algoritma *AI* hanya bergantung kepada kata kunci tertentu tanpa mempertimbangkan konteks yang berlaku terhadap pasangan tersebut, ia boleh memberi cadangan rawatan yang salah.
3. Perbandingan dengan sumber sandaran yang pelbagai. Dalam usul fiqh, al-Ghazali menekankan kaedah *ta'ārud al-adillah* iaitu membandingkan dalil-dalil yang ada sebelum mengeluarkan hukum (Al-Ghazali, 2000: 364, 374). Begitu juga *AI*, jawapannya mesti disemak dengan rujukan manusia atau sumber ilmu yang diiktiraf. Contohnya, jika dapatan *AI* menyatakan semua mazhab mengharuskan penggunaan kalimah 'Allah' untuk agama lain, pengguna wajib menyemak dengan kitab turath atau fatwa yang dikeluarkan pihak berautoriti. Contoh lain adalah proses penilaian di mahkamah, di mana sebarang bukti seperti rakaman suara, video atau dokumen perlu disahkan kebenarannya melalui pihak yang berkaitan agar terhindar daripada manipulasi yang boleh dibuat menerusi *AI*.
4. Elakkan *logical fallacy* (kesilapan logik). Al-Ghazali sendiri mengkritik ahli falsafah muslim pada zamannya khususnya ketika mereka menggunakan logik serta matematik sebagai bukti kebenaran ilmu ketuhanan (Abidin, 2024: 112). Contohnya, perkara berkenaan hubungan Allah dengan alam, mustahil wujudnya dua Tuhan dan sifat-sifat Tuhan (Al-Ghazali, 1993: xvii). *AI* berpotensi mengulangi perkara sama melalui bias data atau personalisasi jawapan yang telah dibina. Contohnya dengan menghasilkan hujah berbentuk *appeal to popularity* (ramai orang di internet berpendapat demikian,

maka ia benar) (Friedman & Kaganoskiy, 2024: 10). Sedangkan dalam pembuktian logik, ia mesti ditentukan oleh hujah, bukti atau premis yang benar, bukan oleh jumlah orang yang menyokongnya (Al-Ghazali, 2021: 67). Oleh itu, kesahihan jawapan *AI* mesti dinilai secara kritis, bukan diterima bulat-bulat.

Selanjutnya, Imam al-Ghazali menjelaskan *'aql* (akal) bukan sekadar daya intelektual untuk berfikir dan menyelesaikan masalah, tetapi juga merangkumi dimensi moral, nilai wahyu serta kemampuan membezakan antara hak dan batil (Al-Ghazali, 2011: 312). Oleh itu, walaupun *AI* memiliki kemampuan pemprosesan data yang menyerupai daya fikir manusia, ia tidak boleh disamakan dengan akal kerana tiada unsur hikmah, *irādah* (kehendak) dan nilai *tanzih* (petunjuk wahyu) yang menjadi asas akal menurut Islam. Tujuan akhir menanggapi ilmu yang benar adalah untuk mewujudkan pandangan alam *tawhidic* iaitu kesedaran tentang penciptaan manusia sebagai *khalifah* (Surah al-Baqarah: 30) yang mengamalkan keseimbangan terhadap muka bumi dan mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat (Surah al-Qasas: 77; Al-Ghazali, 2011: 305; Gufran & Hambali, 2022: 101).

Dalam fasa terakhir hidup al-Ghazali, beliau telah menerapkan nilai kesufian sehingga beliau melihat kesahan ilmu boleh melibatkan aspek intuisi dan kasyaf. Ia menekankan konsep hati dan *tazkiyyat al-nafs* (jiwa yang bersih) sebagai jalan utama untuk mencapai tahap ilmu yang benar dan yakin. Tahap ini bukan daripada ilmu yang terhasil melalui pengumpulan maklumat atau analisis akal semata-mata, tetapi sebagai ilmu tertinggi melalui penyaksian batin terhadap kebenaran mutlak. Ia hanya dapat dicapai melalui penyucian hati, latihan rohani (*riyadah*) dan pengalaman *kashf* dan *dhawq* (batin). Dalam hal ini, epistemologi al-Ghazali menekankan pentingnya kesepaduan hubungan antara *'aql* (akal), *qalb* (hati), *ilhām* (intuisi), dan *ladunni* (pencerahan Ilahi) dalam memperoleh ilmu (Al-Ghazali, 2003b: 419-428). Justeru, dalam *al-Munqidh min al-Dalal*, al-Ghazali mengkritik golongan yang terlalu bergantung kepada logik dan rasional, kerana ia menyempitkan keluasan anugerah kebenaran daripada Allah SWT (Al-Ghazali, 2021: 106).

Konsep ini berpaksikan hakikat bahawa manusia terdiri daripada jasad dan roh yang bergabung membentuk kesedaran diri terhadap hakikat sesuatu. Ilmu akan bertindak sebagai kesatuan yang bersifat integral merangkumi dimensi *ma'rifah* (pengenalan) dan *'ilm* (pengetahuan) yang hadir serentak apabila *nafs al-insān* (jiwa manusia) menerima *ma'na* dalam bentuk sebenar. Ilmu yang diperoleh melalui usaha akal, pancaindera dan daya ikhtiar manusia ini digambarkan dengan pelbagai istilah Arab seperti *'ilm al-ḥuṣūlī*, *'ilm al-kasbī* dan *'ilm al-ḥikmiyyah al-'aqliyyah*, yang secara keseluruhannya membentuk *al-ma'rifah al-bashariyyah* (ilmu kemanusiaan). Kesempurnaan ilmu pula dicapai apabila ia disertai hikmah, iaitu kemampuan memahami batas kegunaan dan implikasi pengetahuan agar ia berfungsi sebagai panduan menuju kebenaran yang diredai Allah SWT (Azam, 2011: 51; Al-Attas, 2007: 12).

*AI* ialah sebahagian daripada kemajuan teknologi yang tidaklah sama dengan cara manusia berfikir. Pada saat ini *AI* tidak mampu mengambil alih *human intelligence* dan *intuition*, sebaliknya hanya sebagai alat yang memberi kemudahan kepada hidup manusia (Velthoven & Marcus, 2024: 9). Namun, jika fenomena *superintelligence* iaitu keupayaan intelektual yang melangkahi intelektual manusia (Arrozy & Zarman, 2024: 27) benar-benar wujud, kebijaksanaan tersebut masih kurang upaya menanggapi hikmah yang menghasilkan suatu tindakan bertepatan dengan matlamat penciptaan manusia (Al-Attas, 2007: 13). Sekiranya dibandingkan dengan epistemologi al-Ghazali, *AI* hanya beroperasi pada tahap pemprosesan data secara algoritmik yang menyerupai dimensi ilmu *ḥuṣūlī* iaitu pengetahuan yang diperoleh

melalui perantara seperti kod, data dan model statistik tanpa keterlibatan *qalb* (hati) dan akal. *AI* tidak mempunyai *idrāk* (kesedaran), *irādah* (kemahuan) atau keupayaan rohani yang menjadi syarat kepada pencapaian *ilmu huḍūrī* dan ilmu yang bermanfaat menurut Islam. Justeru, walaupun *AI* mampu menghasilkan hujah logik atau sintesis maklumat yang kelihatan sah, ia tetap terputus daripada aspek *tazkiyyat al-nafs* dan bimbingan wahyu yang merupakan inti epistemologi al-Ghazali. Sebagai contoh, pengetahuan yang dihasilkan *AI* tidak mempunyai orientasi moral atau *ghayah* (tujuan akhir) yang berpandukan keredaan Allah SWT, berbeza dengan model ilmu Islam yang mengikat proses pencarian ilmu kepada matlamat ukhrawi dan keredaan Allah SWT (Al-Ghazali 2011: 144-145). Dengan demikian, dalam kerangka al-Ghazali, ilmu yang dihasilkan *AI* boleh dianggap sebagai maklumat atau sekadar *ẓann* (sangkaan) yang memerlukan penilaian manusia berilmu untuk disahkan, bukan ilmu yang telah muktamad.

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, analisis epistemologi Imam al-Ghazali menunjukkan bahawa ilmu yang bersumberkan *AI* tidak boleh diterima secara mutlak sebagai ilmu yang sah tanpa penilaian kritis. Hal ini kerana menurut al-Ghazali, kesahihan ilmu sangat bergantung kepada tiga asas utama iaitu pancaindera, akal dan wahyu. Dalam konteks *AI*, ia merupakan sebahagian daripada perkembangan sains dan teknologi yang memudahkan manusia mencari maklumat dan menghimpunkan ilmu dari pelbagai sumber capaian. Kemampuannya memproses kod, data visual dan audio hanyalah simulasi pancaindera, bergantung sepenuhnya pada ketepatan algoritma dan data yang dimasukkan. Begitu juga dengan aspek pemikiran, *AI* hanya meniru keupayaan akal melalui pengiraan logik dan penyelesaian masalah, namun tidak mampu mencapai tahap *'aql* sebagaimana ditakrifkan oleh Islam yang turut melibatkan dimensi moral, kesedaran rohani dan pertimbangan hak dan batil.

Dari segi metodologi, beberapa syarat yang dikemukakan al-Ghazali dapat diaplikasikan untuk menilai kesahan ilmu *AI*. Pertama, memastikan input data benar dan tidak bercanggah dengan realiti. Kedua, menilai kecekapan algoritma seperti menilai *qiyas* dalam logik. Ketiga, membandingkan dapatan *AI* dengan sumber rujukan autoritatif sebagaimana kaedah *ta'ārud al-adillah* dan keempat, memastikan tiada kekeliruan logik atau bias yang menyimpang daripada kebenaran. Dengan demikian, ilmu yang dihasilkan oleh *AI* hanyalah alat bantu untuk memudahkan pencarian maklumat, bukan sumber autoritatif yang berdiri sendiri. Oleh itu, *AI* mesti diletakkan pada kedudukan sekunder dalam epistemologi Islam iaitu sebagai instrumen yang menyokong pencarian ilmu tetapi bukan penentu kebenaran. Kebenaran mutlak hanya dapat dicapai melalui kombinasi akal yang sihat, pancaindera yang benar dan bimbingan wahyu. Tanpa gabungan ini, ilmu yang lahir daripada *AI* berisiko mengandungi kesalahan, bias atau penyelewengan. Maka, perspektif al-Ghazali memberikan garis panduan penting bahawa *AI* harus dikawal, ditapis dan disemak semula agar tidak menjejaskan kesucian dan kesahihan ilmu dalam tradisi Islam.

## Rujukan

- Abidin, A. Z. (2024). Pendekatan Imam al-Ghazali dalam menyikapi disiplin falsafah: Suatu analisis epistemologikal. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 3(1), 97-119.
- Al-Attas, S. M. N. (2007). *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Minden, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Anh, N. B. T. (2021). Deepfake and its ethic concerns. Anjuran John von Neumann Institute. [https://www.researchgate.net/publication/357419167\\_DEEPFAKE\\_AND\\_ITS\\_ETHICS\\_CONCERNS](https://www.researchgate.net/publication/357419167_DEEPFAKE_AND_ITS_ETHICS_CONCERNS)
- Arrozy, J. & Zarman, W. (2024). Philosophical underpinnings of artificial intelligence and the concept of human soul in Islam: Some issues at the interface. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and The Contemporary World*, 17(1), 23-55.
- Auda, J. (2010). *Maqasid al-Shariah as Philosophy of Islamic Law: A Systems Approach*. Herndon: The International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Audi, R. (1999). *The Cambridge Dictionary of Philosophy, Second Edition*. New York: Cambridge University Press.
- Azam, M. A. W. M. (2011). The concept of acquired knowledge ('ilm al- *huşūlī*): It's reformation in the discourse of Muslim scholars. *Revelation and Science*, 1(3), 50-61.
- Bernama. (2024). AI robot introduced at grand mosque to respond to religious, fatwa inquiries. <https://www.bernama.com/en/news.php?id=2307452> [Akses 18 Ogos 2025].
- Boddington, P. (2017). *Towards A Code of Ethics for Artificial Intelligence*. Cham, Switzerland: Springer.
- Friedman, H. H. & Kaganovskiy, L. (2024). *Logical Fallacies: How They Undermine Critical Thinking and How to Avoid Them*. New York: Brooklyn College of the City University of New York.
- Al-Ghazali, A. H. (1993). *Tahāfut al-Falāsifah: Kekacauan Para Filsuf*. Terj. Thaha, A. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazali, A. H. (2000). *al-Mustaşfā*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, A. H. (2003a). *al-Iqtisād fil I'tiqād*. Bayrut: Dar Qutaybah.
- Al-Ghazali, A. H. (2003b). *Kīmiyā' al-Sa'ādah*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, A. H. (2003c). *Mishkāt al-Anwār*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, A. H. (2011). *Ihyā' Ulūm al-Dīn*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Ghazali, A. H. (2021). *al-Munqidh min al-Ḍalāl*. Bayrut: Dar al-Minhaj.
- Gufuran, U. & Hambali, R. Y. A. (2022). Manusia, alam dan Tuhan dalam ekosufisme al-Ghazali. *Jurnal Aqidah dan Filsafat Islam*, 7(1), 86-103.
- Irfansyah, A. (2024). Kolaborasi Teknologi: Kaitan pusat data, big data dan artificial intelligence. <https://eduparx.id/blog/insight/kolaborasi-teknologi-kaitan-pusat-data-big-data-dan-artificial-intelligence/> [Akses 13 Ogos 2025].
- Long, A. S. (2019). Epistemologi. TOT Falsafah Ilmu (HNF 3012) Siri 4. Anjuran Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, 26 Ogos.
- Nawi, N. H. M. (2021). *Falsafah Ilmu: Perspektif Bersepadu*. Pengkalan Chepa: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- O'neil, C. (2017). *Weapons of Math Destruction: How Big Data Increases Inequality and Threatens Democracy*. New York: Broadway Books.
- Pabubung, M. R. (2021). Epistemologi Kecerdasan Buatan (AI) dan pentingnya ilmu etika dalam pendidikan interdisipliner. *Jurnal Filsafat Indonesia*, 4(2), 152-159.
- Tanner, A. (2021). Weapons of math destruction summary. *LitCharts*. LitCharts LLC. <https://www.litcharts.com/lit/weapons-of-math-destruction/summary> [Akses 13 Ogos 2025]

Velthoven, M. & Marcus, E. (2024). Problems in AI, their roots in philosophy and implications for science and society. <https://arxiv.org/abs/2407.15671v1>